

Terengganu sasar 6 emas dari silat

KUALA TERENGGANU - Terengganu mempertaruhkan 38 pesilat termasuk 13 wanita dalam usaha meraih enam pingat emas pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) XVII di Perlis.

Setiausaha Persatuan Seni Silat Negeri Terengganu (PSSNT), Rani Mustafa berkata, penetapan sasaran tersebut dilihat bersesuaian kerana sebelum ini mereka merangkul lima pingat emas pada edisi Sukma 2012 di Pahang.

Malah, katanya usaha membawa pulang sasaran pingat emas itu dilihat optimis kerana mereka diperkuatkan dengan 10 pesilat yang pernah menyertai Sukma 2012 antaranya pemenang pingat perak, Ahmad Sholahuddin Awang.

"Saya melahirkan keyakinan kerana pesilat telah pun diberi pendedahan dengan mengikuti latihan di Thailand dan Vietnam bagi memantapkan lagi persembahan mereka," katanya kepada Bernama semalam.

Menurut Rani, pihaknya juga menyandarkan harapan kepada beberapa pesilat baharu yang dilihat berpotensi membawa emas kepada Terengganu kali ini.

Antara mereka ialah Mohamad Hakimi Mazlan menerusi kategori Kelas B Putera dalam acara silat olahraga dan Muhamad Tajul Mazlan Tajuddin dalam acara silat bebas.

Malah, katanya seorang wirawati yang dilihat mampu meraih emas iaitu Zuraida Muda menerusi Kelas E Puteri dalam acara silat olahraga.

Katanya, Terengganu juga dilihat mempunyai peluang cerah untuk meraih pingat emas dalam acara solo bebas melalui Mohd. Faiz Ngah dalam acara Tempur Ganda Putera.

-BERNAMA